

Krisis Datuk Kelana: Ahli politik digesa campur jika...

16.6.87

SEREMBAN, Isnin — Ahli politik, khususnya daripada Umno, digesa supaya campur tangan untuk membantu menyelesaikan krisis pemilihan Datuk Kelana (Undang Luak Sungai Ujong) ke-10, jika Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan gagal memecahkan kebuntuan itu, dalam mesyuaratnya, esok.

Langkah ini perlu kerana krisis itu akan menjejaskan maruah bangsa Melayu, yang menjadi teras pemerintahan negara, jika ia dibiarkan berlanjutan, kata satu sumber tertinggi adat di sini hari ini.

Bagaimanapun, campur tangan ini tidak boleh disalahtafsirkan sebagai 'percubaan tokoh politik untuk merampas kuasa pentadbiran adat daripada pemimpin adat'.

"Ini adalah bercanggah dengan aturan Adat Perpatih. Apa yang dimaksudkan di sini ialah perlunya ahli serta tokoh politik mengemukakan pan-

dangan atau memberi nasihat kepada pemimpin adat mengenai cara yang difikirkan sesuai ke arah menamatkan krisis selama hampir empat tahun itu.

"Langkah itu perlu diambil bagi kebalkan bersama," katanya lagi.

Sebagai langkah awal, katanya, ahli-ahli Parlimen daripada Umno mungkin boleh mengadakan satu pertemuan sesama mereka bagi membincangkan krisis itu secara terperinci.

Bellau menarik perhatian terhadap satu kerapatan adat yang sepatutnya dihadiri oleh anak-anak Waris Perut Ulu daripada Rumpun Dusun di Balak Undang Luak Sungai Ujong di sini semalam, tetapi terpaksa dibatalkan di saat-saat akhir.

Dewan dijangka bermesyuarat esok dan usaha mencari penyelesaian terhadap krisis itu dijangka menjadi salah satu tajuk perbincangan utama.